



KEADAAN pesisiran pantai Kampung Tanjung Gelam, Mengabang Telipot yang terhakis.



RUMAH mangsa banjir yang musnah di Kampung Pulau Kundur.



LALUAN pejalan kaki di Pantai Bukit Keluang, Besut yang musnah.

# OMBAK RAKUS

■ OKU balik rumah terkejut bahagian belakang kediaman dihanyutkan badai

Oleh Muhaamad Razis Ismail  
razis@hmetro.com.my  
Kota Bharu

“**S**aya terkejut apabila balik ke rumah pagi tadi (semalam) dan melihat bahagian belakang rumah dihanyutkan ombak,” kata Mat Zain Ali, 53, salah seorang penduduk Kampung Pulau Kundur, di sini, yang berdepan fenomena air pasang besar sejak dua hari lalu.

Mat Zain yang juga orang kurang upaya berkata, dia berpindah ke pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Pulau Kundur yang terletak dua kilometer dari rumahnya selepas kediamannya dibadai ombak.

Dia yang menghidap penyakit saraf sejak kecil berkata, melihat keadaan rumah yang bergegar dibadai ombak, dia tiada pilihan lain selain berpindah ke tempat lebih selamat.

“Sepanjang berada di pusat peminda-

han, saya tidak sedap hati kerana teringatkan rumah yang mungkin dihanyutkan ombak. Pagi tadi (semalam) tanpa pengetahuan keluarga, saya sendiri pulang ke rumah dengan berkerusi roda untuk melihat keadaannya.

“Sesampainya saya di rumah, saya terkejut melihat belakang rumah yang menempatkan bilik sudah dihanyutkan ombak.

“Bagaimanapun, saya bersyukur kerana rumah masih ada,” katanya ketika ditemui di rumahnya, semalam.

Menurutnya, fenomena air pasang besar kali ini lebih serius berbanding sebelumnya kerana menyebabkan beberapa rumah penduduk rosak.

“Sebelum ini, jarak rumah dengan pantai sejauh satu kilometer, namun sejak dua hari lalu hanya beberapa meter sahaja.

“Saya berharap pihak berkaitan dapat melakukan sesuatu dengan menyegerakan pembinaan benteng untuk mengelakkan rumah penduduk dihanyutkan

ombak.

“Kalau hendak pindahkan ke tempat lain pun, kami sanggup tetapi biarlah di kawasan berhampiran kerana kebanyakan penduduk di sini adalah nelayan,” katanya.

Suri rumah, Roslina Abdullah, 36, berkata, dia terkejut melihat keadaan rumah ibunya, Rakiah Yusof, 55, dipenuhi pasir setinggi 0.5 meter.

“Beberapa barang keperluan penting seperti peti ais dan almari musnah akibat di-

JALAN utama Pantai Teluk Lipat ditutup kepada semua lalu lintas supaya kerja membaik pulih hakisan tanah di laluan itu dapat dijalankan.



tenggelami air manakala bahagian belakang rumah pecah dibadai ombak.

“Kemungkinan untuk sementara waktu ini, ibu mungkin akan tinggal bersama adik-beradik lain sehingga rumah dibaiki dan dibersihkan,” katanya.

“Bagaimanapun, saya bersyukur kerana rumah masih ada”  
Mat Zin